

13 JAN 2001

Muhyiddin-Perpaduan

PERPADUAN MELAYU TERAS PERPADUAN NASIONAL, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Soal perpaduan orang Melayu perlu dibincangkan terlebih dahulu kerana ia merupakan teras kepada perpaduan nasional, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Katanya, sebarang perbincangan mengenai perpaduan nasional perlu dimulakan dengan perbincangan mengenai perpaduan orang Melayu.

"Justeru sebarang usaha untuk mengukuhkan perpaduan nasional, perlu dimulakan dengan usaha mengukuhkan perpaduan orang Melayu," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri di sini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Umno tidak menolak cadangan supaya isu perpaduan nasional dibincangkan dalam pertemuan antara parti itu dengan PAS tetapi sebagai permulaan, tumpuan diberikan kepada perpaduan Melayu.

Muhyiddin berkata bagi Umno itu merupakan pendekatan terbaik kerana apa juga perbincangan mengenai perpaduan nasional perlu dimulakan dengan perpaduan Melayu dan kemudian dengan bangsa-bangsa lain.

Muhyiddin berkata sejarah negara telah memperlihatkan bagaimana perpaduan Melayu merupakan teras kepada penyatuan masyarakat berbilang kaum di negara ini sehingga menjadikan Malaysia sebuah negara aman dan membangun dengan pesat.

Beliau berkata cadangan membincangkan soal perpaduan Melayu terlebih dahulu tidak bercanggah dengan matlamat PAS untuk membincangkan soal perpaduan nasional, cuma pendekatannya agak berbeza.

Mengenai senarai harga siling bagi sembilan lagi barangan terkawal mengikut 138 daerah sempena sambutan Tahun Baru Cina, Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata maklum balas yang beliau terima menunjukkan bahawa semua pihak termasuk pemborong serta peruncit menyambut baik harga siling itu.

Beliau berkata sembilan barangan itu ialah kubis panjang, ikan bawal putih, udang putih besar, kubis bulat Indonesia, daging lembu tempatan, daging lembu import India, ayam yang disembelih dan dibersihkan, ubi kentang Indonesia dan telur ayam gred A.

Mengenai limau mandarin pula, beliau berkata ia tidak dijadikan barangan kawalan kerana bekalannya tahun ini berlebihan dan persaingan yang wujud menyebabkan buah itu dijual pada harga yang munasabah kepada pengguna.

-- BERNAMA

AKT AZZ RHM